

10/10/2003

Malaysia puas hati keputusan tribunal

PUTRAJAYA: Malaysia berpuas hati dengan keputusan Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-Undang Laut (ITLOS) berhubung isu penambakan laut yang dijalankan Singapura kerana republik itu kini tidak boleh lagi berbuat sesuka hati atas alasan kerja itu di bawah wilayahnya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia juga lega kerana ITLOS meluluskan satu mekanisme untuk bertukar maklumat mengenai setiap perkembangan projek itu.

Beliau berkata, maklumat itu membolehkan analisis diadakan secara berterusan bagi memastikan kesan negatif dapat dipantau dan tidak memberi kesan jangka panjang kepada Malaysia.

"Dulu, kita minta Singapura maklumat dan berhenti (kerja tambakan) tetapi dia kata kita kena ada bukti. Sekarang ITLOS sudah mengarahkan dia supaya tidak menjalankan kerja penambakan laut sehingga boleh menyebabkan prejudis yang tidak dapat dipulihkan terhadap hak Malaysia atau merosakkan persekitaran Selat Johor.

"Ini memihak kepada Malaysia kerana Singapura tidak lagi boleh buat sesuka hati hanya atas alasan kerja itu di bawah wilayahnya," katanya ketika ditemui di Pusat Konvensyen Putrajaya, semalam.

Katanya, biarpun keputusan tribunal itu memberi jaminan hak kepada Malaysia tetapi laporan media asing terutama dari republik berkenaan menyatakan sebaliknya.

Sehubungan itu, beliau berharap Singapura akan mengambil kira keputusan tribunal itu secara terperinci dan memahami segala maksud yang tersurat dalam perintah berkenaan.

Di KUALA LUMPUR, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Singapura seharusnya menghentikan kerja penambakan laut sekarang untuk memastikan hubungan baik serta muhibah dengan Malaysia sebagai negara jiran terus terjalin kukuh.

Katanya, Malaysia dan Singapura seharusnya menggunakan peluang untuk mewujudkan hubungan baik sementara menunggu keputusan Tribunal Timbang Tara berhubung isu itu.

Beliau berkata, pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Singapura menghentikan penambakan laut itu dianggap positif.

Rais berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Perlindungan Data Peribadi, semalam.

Kelmarin, ITLOS sebulat suara mengarahkan Singapura tidak menjalankan kerja penambakan laut sehingga boleh menyebabkan prejudis yang tidak dapat dipulihkan terhadap hak Malaysia atau merosakkan persekitaran maritim.

Presiden ITLOS, L Dolliver M Nelson bersama 20 anggota tetap dan dua anggota ad-hoc tribunal dalam keputusan yang dianggap memihak kepada Malaysia, juga memerintahkan kedua-dua negara menubuhkan kumpulan pakar bebas yang diberi mandat untuk menjalankan kajian berhubung kesan kerja penambakan itu.

Rais berkata, penubuhan pakar bebas itu penting dan penghakiman antarabangsa itu boleh dianggap objektif.

"Mahkamah akan membuat keputusan antara tempoh enam bulan dan setahun. Pada masa itulah penyampaian nota terakhir dalam hujah dapat diambil kira oleh mahkamah itu," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Rohani Mohd Shah, berkata syarat

penubuhan kumpulan pakar bebas untuk menjalankan kajian berhubung kesan kerja penambakan boleh dilihat sebagai menyebelahi Malaysia.

"Banyak kajian sudah dijalankan berhubung kesan penambakan laut oleh Singapura. Semuanya menunjukkan bahawa penambakan berkenaan memberi kesan buruk kepada sistem ekologi di negara kita.

"Oleh itu, diharap kumpulan pakar yang ditubuhkan kelak akan dapat menunjukkan bahawa penambakan laut itu banyak memberikan implikasi buruk," katanya ketika dihubungi Berita Harian, semalam.

Beliau berkata, walaupun Singapura dibenarkan meneruskan projek penambakan berkenaan, keputusan yang diumumkan itu adalah bersifat sementara sebelum keputusan akhir dibuat.